

EZShield

SOALAN LAZIM

A. MAKLUMAT & MANFAAT PRODUK

1. Apakah EZShield?

EZShield ialah produk Takaful berkelompok dengan caruman tunggal dengan tempoh perlindungan selama tiga (3) bulan, yang menyediakan perlindungan terhadap kematian, hilang upaya penuh dan kekal atau kematian akibat kemalangan. Ia juga menyediakan manfaat pendapatan khas terhadap kejadian tertentu.

Sijil ini ditajajamin oleh Great Eastern Takaful Berhad.

2. Apakah manfaat-manfaat di bawah produk ini?

Sila rujuk Jadual Manfaat seperti yang dinyatakan di bawah:

Umur Kemasukan Hari Lahir Berikutnya	Manfaat-Manfaat	Jumlah Perlindungan (RM)
18-50	Kematian/Hilang Upaya Penuh dan Kekal (HUPK)	RM 20,000
	Kematian Akibat Kemalangan	100% manfaat tambahan daripada jumlah perlindungan akan dibayar sekaligus.
	Manfaat Pendapatan Khas, dibayar terhadap: - Kematian/HUPK Akibat Kemalangan; or - Kemasukan Hospital melebihi atau bersamaan dengan 5 hari disebabkan oleh Kemalangan.	RM 1,000

B. PENYERTAAN DALAM TAKAFUL

1. Bagaimanakah untuk saya menjadi layak bagi perlindungan ini?

Produk ini ditawarkan secara eksklusif kepada pengguna Shopee yang memenuhi syarat-syarat kelayakan seperti di bawah:

- umur kemasukan di antara lapan belas (18) tahun sehingga lima puluh (50) tahun hari lahir berikutnya; dan
- merupakan rakyat Malaysia atau penduduk tetap di Malaysia; dan
- berjaya melengkapkan pendaftaran untuk perlindungan ini melalui laman web.

2. Bagaimanakah untuk saya menyertai dalam EZShield?

Sila rujuk langkah-langkah berikut tentang cara penyertaan dalam produk **EZShield**:

Langkah 1: Anda mestilah memenuhi syarat-syarat kelayakan dan memilih untuk menyertai dalam **EZShield** daripada Shopee, di mana anda akan menerima kod e-baucar selepas membuat pembayaran. Anda mestilah mengaktifkan e-baucar tersebut dalam masa dua (2) minggu.

Langkah 2: Layari <https://www.greateasterntakaful.com/bm/penyelesaian-takaful/produk-kami/takaful-keluarga/ezshield.html> bagi melengkapkan pendaftaran untuk perlindungan **EZShield**; dan memasukkan maklumat peribadi anda dan menjawab soal selidik kesihatan di laman web. Anda mestilah mendedahkan semua fakta penting dan menyatakan usia anda dengan betul.

Langkah 3: Anda akan menerima emel pengesahan dan dokumen-dokumen yang berkaitan daripada Great Eastern Takaful Berhad, dalam masa satu (1) hingga tiga (3) hari bekerja.

3. Adakah saya perlu menjalani pemeriksaan kesihatan sebelum saya boleh menyertai dalam EZShield?

Anda tidak perlu menjalani pemeriksaan kesihatan, tetapi anda perlu menjawab dan lulus dalam tiga (3) soal selidik kesihatan, seperti berikut:

- Adakah anda sekarang sedang menerima rawatan atau mengambil ubat secara berkala untuk keadaan kesihatan (selain daripada demam biasa atau selsema)?
- Adakah anda pernah didiagnos, berunding dengan pegawai perubatan atau menerima rawatan untuk keadaan berikut: Serangan jantung, sakit dada, kolestrol tinggi, strok, tekanan darah tinggi, kencing manis, kanser, tumor atau ketumbuhan abnormal, hepatitis, Infeksi HIV atau AIDS, sebarang penyakit atau gangguan berkaitan jantung, otak atau sistem saraf, mata atau telinga, tiroid, paru-paru atau sistem salur pernafasan, hati, sistem pencernaan atau saluran gastrointestinal, ginjal atau sistem urinari, organ pembiakan, sendi atau spina, sistem immuniti, gangguan darah, penyakit keturunan atau keabnormalan kongenital, kesihatan mental atau penyakit psikiatrik, kecacatan fizikal atau kecacatan, dadah atau penyalahgunaan alkohol?
- Sepanjang 2 tahun lalu, pernahkah anda dimasukkan ke hospital (kecuali bersalin), menjalani pembedahan, berjumpa dengan doktor pakar atau memiliki keputusan abnormal dari ujian perubatan atau ujian diagnostik atau dinasihatkan untuk menjalani pemeriksaan lanjut pada masa hadapan?

4. Bolehkah saya mendapatkan perlindungan tanpa pendaftaran bagi perlindungan EZShield melalui Shopee?

Tidak, perlindungan **EZShield** hanya boleh disertai melalui Shopee, dan pengaktifan seterusnya melalui <https://www.greateasterntakaful.com/bm/penyelesaian-takaful/produk-kami/takaful-keluarga/ezshield.html>.

EZShield

SOALAN LAZIM

5. Bolehkah saya membatalkan perlindungan EZShield?

Anda boleh membatalkan sijil dalam tempoh lima belas (15) hari daripada penghantaran sijil anda. Kami akan membayar balik caruman menyamai nilai caruman yang telah dibayar. Anda boleh emel secara langsung kepada GreatAssist@greateasterntakaful.com bagi pembatalan perlindungan anda.

Namun, anda tidak akan menerima pembayaran balik caruman apabila pembatalan dilakukan selepas lima belas (15) hari tempoh rujukan percuma. Walaupun dibatalkan, perlindungan tetap akan diteruskan sehingga tamat tempoh perlindungan.

6. Apakah butiran perhubungan jika saya mempunyai sebarang pertanyaan umum dan/atau pertanyaan berkenaan sijil?

Bagi pertanyaan umum atau berkenaan dengan produk ini, anda boleh emel kami di GreatAssist@greateasterntakaful.com.

7. Bagaimanakah data peribadi saya diproses?

Sebaik sahaja anda bersetuju untuk menyertai produk ini, maklumat anda akan dihantar melalui saluran yang dijamin kepada Great Eastern Takaful Berhad bagi proses selanjutnya yang selaras dengan peraturan Akta Perlindungan Data Peribadi. Bagi maklumat lanjut tentang Notis Perlindungan Data Peribadi, sila kunjungi laman web kami di www.greateasterntakaful.com.

8. Bolehkah saya menyertai produk ini melalui ejen?

Perlindungan **EZShield** hanya boleh disertai melalui Shopee, dan pengaktifan seterusnya melalui <https://www.greateasterntakaful.com/bm/penyelesaian-takaful/produk-kami/takaful-keluarga/ezshield.html>.

9. Bolehkah saya membuat perubahan terhadap tarikh berkuat kuasa sijil bagi perlindungan saya selepas saya telah menyertai produk ini?

Tarikh berkuat kuasa sijil tidak boleh diubah selepas anda telah menyertai produk ini.

C. PERLINDUNGAN

1. Berapa lamakah tempoh perlindungan ini?

EZShield menyediakan perlindungan selama tiga (3) bulan. Perlindungan dan manfaat anda akan tamat selepas tempoh tiga (3) bulan berakhir.

2. Bilakah perlindungan EZShield saya akan bermula?

Perlindungan anda akan bermula pada tarikh yang dinyatakan di dalam emel pengesahan yang akan disampaikan kepada anda selepas penyertaan berjaya.

3. Adakah saya akan diberitahu apabila perlindungan saya bermula?

Ya, kami akan memberitahu anda setelah anda telah berjaya mendaftar untuk **EZShield** ini dengan menghantar emel pemberitahuan pengesahan kepada anda bersama-sama dengan maklumat perlindungan anda.

4. Adakah saya dibenarkan untuk menyertai lebih daripada satu (1) perlindungan EZShield dalam satu masa?

Setiap Orang yang Dilindungi dibenarkan untuk menyertai satu (1) produk **EZShield** dalam satu masa.

D. CARUMAN

1. Berapakah caruman yang perlu saya bayar?

Caruman yang perlu anda bayar adalah sebanyak RM 27.50. Caruman yang dinyatakan adalah merupakan jumlah caruman tunggal untuk produk ini bagi tiga (3) bulan tempoh perlindungan.

2. Bagaimanakah saya boleh membuat bayaran caruman bagi perlindungan EZShield?

Anda boleh membuat bayaran caruman melalui kaedah pembayaran yang terdapat di Shopee.

3. Adakah terdapat yuran atau caj tambahan bagi perlindungan ini?

Tiada caj tambahan lain di bawah produk ini.

EZShield

SOALAN LAZIM

E. PENGECUALIAN

1. **Apakah keadaan kejadian yang dikecualikan di bawah perlindungan EZShield?**

Anda boleh merujuk kepada senarai pengecualian bagi Manfaat Kematian, Hilang Upaya Penuh dan Kekal, dan Kematian Akibat Kemalangan/Pendapatan Khas di dalam Risalah Pemberitahuan Produk. Anda juga boleh merujuk Sijil Induk bagi maklumat lanjut.

F. PERKHIDMATAN SIJIL

1. **Bagaimanakah untuk saya memeriksa status permohonan saya?**

Anda akan menerima emel pengesahan bersama-sama dengan maklumat perlindungan anda termasuk Sijil Induk, Risalah Pemberitahuan Produk dan Soalan Lazim kepada alamat emel berdaftar anda bagi rujukan selanjutnya, sejeurus selepas anda telah melengkapkan pendaftaran bagi perlindungan **EZShield**.

2. **Jika saya membatalkan perlindungan EZShield saya, adakah saya layak menerima sebarang nilai serahan tunai?**

EZShield merupakan produk perlindungan penuh dan tidak memberikan sebarang nilai serahan tunai.

3. **Bagaimanakah saya boleh menghubungi Great Eastern Takaful Berhad jika saya mempunyai sebarang pertanyaan?**

Bagi pertanyaan umum dan yang berkenaan dengan sijil, anda boleh emel secara langsung kepada kami di GreatAssist@greateastertakaful.com.

4. **Apakah yang saya perlu lakukan jika terdapat perubahan butiran perhubungan saya/penama selepas saya menyertai perlindungan EZShield?**

Sila pastikan semua maklumat peribadi anda adalah lengkap dan tepat sebelum penyertaan anda. Anda hendaklah memaklumkan kepada kami jika terdapat sebarang perubahan terhadap maklumat peribadi anda setelah penyertaan anda di dalam perlindungan **EZShield**.

G. PENAMAAN

1. **Bagaimanakah untuk saya mencalonkan penama atau benefisiari?**

Anda boleh melakukan penamaan dengan melengkapkan Borang Pelantikan/Penukaran Penama/Wasi dan menghantarkan borang tersebut di GreatAssist@greateastertakaful.com. Anda boleh memuat turun Borang Penamaan melalui pautan yang disediakan di dalam emel pengesahan setelah anda menyertai perlindungan ini.

Anda boleh menghantar Borang Penamaan melalui **penyerahan fizikal** kepada Khidmat Pelanggan @ Aras 3, Menara Great Eastern, 303 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.

2. **Apakah yang saya perlu lakukan jika terdapat perubahan butiran perhubungan saya/penama?**

Anda hendaklah memaklumkan kepada Kami jika terdapat sebarang perubahan butiran perhubungan anda/penama bagi memastikan semua surat-menyurat dapat diserahkan kepada anda/penama sepatutnya.

H. TUNTUTAN

1. **Bagaimanakah untuk saya membuat tuntutan?**

Hantarkan borang tuntutan yang lengkap berserta dengan dokumen yang diperlukan. Sehubungan dengan ini, dokumen yang diperlukan mungkin berbeza mengikut jenis tuntutan. Bagi bantuan mengenai penyerahan tuntutan, sila rujuk laman web kami di <https://www.greateastertakaful.com/bm/dapatkan-bantuan/membuat-tuntutan.html> bagi maklumat lanjut tentang dokumen tuntutan. Bagi produk ini, sila pilih pilihan tuntutan yang berikut berdasarkan setiap jenis tuntutan:

- Jika anda membuat tuntutan bagi manfaat **manfaat Hilang Upaya Penuh dan Kekal**, sila pilih "Hilang Upaya Penuh dan Kekal" di bawah senarai jantai bawah dan sediakan semua dokumen yang diperlukan bagi jenis tuntutan ini;
- Jika anda membuat tuntutan bagi manfaat **manfaat Kematian**, sila pilih "Tuntutan Kematian" di bawah senarai jantai bawah dan sediakan semua dokumen yang diperlukan bagi jenis tuntutan ini;
- Jika anda membuat tuntutan bagi **Kematian Akibat Kemalangan**, sila pilih "Tuntutan Kematian" & "Tuntutan Kemalangan" di bawah senarai jantai bawah dan sediakan semua dokumen yang diperlukan bagi jenis tuntutan ini.
- Bagi **Manfaat Pendapatan Khas**, anda boleh emel ke GreatAssist@greateastertakaful.com bagi maklumat lanjut tentang borang tuntutan dan dokumen.

Anda boleh menghantar Borang Tuntutan dan dokumen-dokumen melalui **emel** ke GreatAssist@greateastertakaful.com atau **penyerahan fizikal** kepada Khidmat Pelanggan @ Aras 3, Menara Great Eastern, 303 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.

Jika terdapat percanggahan di dalam dokumen ini; manfaat, terma dan syarat yang dinyatakan di dalam Sijil Induk akan digunakan.